



**IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA**

**KENYATAAN
SEBUT HARGA NO. JBPM:SH/(S)/59/2019**

TAJUK KERJA: KERJA-KERJA PEMBINAAN GARAJ BERBUMBUNG DI BANGUNAN IBU PEJABAT, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA.

1. Sebut Harga adalah dipelawa dikalangan kontraktor-kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dalam **Gred G1** Kategori **CE** Pengkhususan **CE21** (Pembinaan kejuruteraan awam) dan mempunyai Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dibenarkan menyertai sebut harga ini.
2. Borang Sebut harga boleh didapati dari 01.10.2019 hingga 04.10.2019 semasa waktu pejabat di **Tingkat 1, Cawangan Pengurusan Kewangan, Unit Perolehan Dan Bajet, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.**
3. Kontraktor yang berminat **diwajibkan hadir dengan membawa Surat Pendaftaran ASAL** Construction Industry Development Board (CIDB) ke **Lawatan Tapak** pada **01.10.2019 (Selasa)** jam **11.30** pagi di **Bilik Tanjung, Aras G, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya.** Adalah dimaklumkan bahawa **lawatan tapak akan hanya diadakan sekali sahaja (kehadiran diwajibkan).** Kontraktor yang gagal hadir ke sesi lawatan tapak pada tarikh dan masa yang telah ditetapkan di atas adalah dianggap tidak berminat dengan kerja sebut harga ini.
4. Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di **Tingkat 1, Cawangan Pengurusan Kewangan, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia, Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya** tidak lewat dari jam **12.00 tengahari** pada **08.10.2019 hari Selasa.**
5. Satu Salinan Pendaftaran dengan CIDB dalam gred dan kategori berkenaan hendaklah disertakan kepada Jabatan ini bersama-sama dengan tawaran dokumen sebutharga.
6. Kerajaan tidak semestinya menerima Sebut harga yang terendah atau terikat kepada sebarang Sebut harga.

(NUR HAFIZA BINTI AHAMAD NOH @ MOHD NOH)
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Tarikh: 27 September 2019